



# **Pelan Strategik MBSA 2026-2030**

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM**



**PELAN STRATEGIK**  
**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM**  
**2026-2030**  
CETAKAN 2026



# KANDUNGAN

## PENDAHULUAN

Prakata	2-3
---------	-----

## PENGENALAN

Demografi	4
Statistik Penduduk di Selangor Tahun 2024	5
Keluasan Shah Alam	6
Guna Tanah	7
Aset Majlis	8
Lesen Peniaga-Peniaga kecil	9-10
Pembangunan	11
Matlamat Pembangunan Mampan	12
Pelan Tindakan Bandar Pintar 2026-2030	13

## PELAN STRATEGIK MBSA 2026-2030

Visi & Misi	15
-------------	----

## STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN

Teras 1: Kecekapan Perkhidmatan	17
Teras 2: Bandar Lestari & Berdaya Tahan	20
Teras 3: Memperkasa Komuniti	27
Teras 4: Tadbir Urus yang Cepak	33
Penutup: Pemantauan Pencapaian Inisiatif Utama	35

# PRAKATA



**Kejayaan pelaksanaan Pelan Strategik MBSA 2026-2030 ini bergantung kepada komitmen dan kerjasama berterusan daripada semua pihak. Dokumen ini bukan sekadar pelan di atas kertas, tetapi merupakan kompas yang membimbing tindakan, keputusan dan pelaburan MBSA sepanjang tempoh pelaksanaannya. Oleh itu, pemantauan, penilaian dan penambahbaikan berterusan akan dilaksanakan bagi memastikan pelan ini kekal relevan, adaptif dan berimpak tinggi.**



Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, penerbitan Buku Pelan Strategik Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) 2026-2030 ini dapat direalisasikan sebagai satu dokumen rujukan penting dalam memacu hala tuju pembangunan Bandar Raya Shah Alam secara terancang, mampan dan inklusif. Penerbitan buku ini bukan sahaja mencerminkan komitmen MBSA terhadap tadbir urus yang berwawasan dan berintegriti, malah menjadi manifestasi iltizam bersama seluruh warga kerja, pemegang taruh dan komuniti bandar dalam membina masa depan Shah Alam yang lebih gemilang.

Sebagai ibu negeri Selangor dan sebuah bandar raya yang berkembang pesat, Shah Alam berhadapan dengan pelbagai cabaran dan peluang baharu yang menuntut pendekatan perancangan strategik yang menyeluruh, bersepadu dan berpaksikan data. Dinamika urbanisasi, perubahan iklim, kemajuan teknologi digital, keperluan ekonomi berdaya saing, serta aspirasi rakyat yang semakin meningkat memerlukan MBSA untuk sentiasa tangkas, inovatif dan responsif. Justeru, Pelan Strategik ini digubal bagi memastikan setiap dasar, inisiatif dan tindakan yang dilaksanakan adalah selari dengan visi jangka panjang bandar raya, selaras dengan dasar-dasar nasional dan negeri, serta memenuhi keperluan semasa dan masa hadapan warga Shah Alam.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang idea, kepakaran dan tenaga dalam menjayakan penggubalan pelan ini. Pelan Strategik MBSA 2026-2030 ini dirangka berteraskan visi untuk menjadikan Shah Alam sebuah bandar raya yang maju, berdaya huni, rendah karbon dan berdaya tahan, di samping mengekalkan identiti, warisan dan nilai kemasyarakatan yang kukuh. Ia memberi tumpuan kepada beberapa teras strategik utama, antaranya tadbir urus bandar yang cekap dan telus, pembangunan ekonomi bandar yang berdaya saing dan inklusif, kesejahteraan sosial dan kualiti hidup rakyat, pemeliharaan alam sekitar dan kelestarian, serta transformasi digital dan inovasi perkhidmatan. Setiap teras disokong oleh objektif strategik, inisiatif utama dan petunjuk prestasi yang jelas bagi memastikan pelaksanaan yang berfokus dan berkesan.

Dalam aspek tadbir urus, MBSA komited untuk memperkukuh kecekapan penyampaian perkhidmatan melalui penambahbaikan proses kerja, pemantapan integriti, serta penggunaan teknologi digital bagi meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti. Pendekatan *whole-of-government* dan *whole-of-society* akan terus diperkasakan bagi memastikan kerjasama strategik antara pelbagai agensi dan komuniti dapat dimanfaatkan secara optimum. Pada masa yang sama, pembangunan kapasiti modal insan MBSA akan diberi keutamaan agar warga kerja sentiasa kompeten, profesional dan berorientasikan perkhidmatan.

Dari sudut pembangunan ekonomi bandar, pelan ini menggariskan strategi untuk merangsang pertumbuhan ekonomi yang mampan melalui pemerkasaan sektor perniagaan dan industri, sokongan kepada perusahaan

kecil dan sederhana, serta penciptaan ekosistem ekonomi berasaskan inovasi dan pengetahuan. Shah Alam berpotensi besar untuk terus berkembang sebagai hab perindustrian, pendidikan dan kreativiti, justeru perancangan yang rapi akan memastikan pertumbuhan ekonomi dapat dijana tanpa menjejaskan kesejahteraan sosial dan alam sekitar.


Kesejahteraan rakyat merupakan teras utama dalam setiap perancangan MBSA. Pelan ini menekankan kepentingan penyediaan kemudahan awam yang berkualiti, persekitaran bandar yang selamat dan kondusif, serta akses saksama kepada peluang ekonomi, pendidikan, kesihatan dan rekreasi. Pembangunan komuniti yang inklusif dan berdaya tahan akan terus diperkukuh melalui program-program penglibatan masyarakat, pemerkasaan golongan rentan dan pengukuhan jaringan sosial di peringkat setempat. Dalam menghadapi cabaran perubahan iklim dan degradasi alam sekitar, MBSA mengambil pendekatan proaktif dengan mengarusperdanakan prinsip kelestarian dalam setiap aspek perancangan dan pembangunan bandar. Inisiatif ke arah bandar rendah karbon, pengurusan sisa yang lebih cekap, pemeliharaan kawasan hijau, serta pengurusan sumber yang berhemah akan dilaksanakan secara berperingkat dan berterusan. Usaha ini bukan sahaja bertujuan melindungi alam sekitar, malah memastikan Shah Alam kekal sebagai bandar raya yang sihat dan berdaya huni untuk generasi akan datang.

Seiring dengan era digital, transformasi teknologi menjadi pemangkin utama kepada peningkatan kecekapan dan inovasi perkhidmatan bandar. Pelan Perancangan Strategik ini menggariskan hala tuju pendigitalan MBSA melalui pelaksanaan konsep bandar pintar (*smart city*), penggunaan data raya (*big data*), serta aplikasi teknologi baharu bagi menyokong pembuatan keputusan yang lebih tepat dan berkesan. Pendekatan ini diharap dapat meningkatkan pengalaman rakyat dalam berurusan dengan pihak berkuasa tempatan, di samping memperkukuh daya saing Shah Alam di peringkat nasional dan antarabangsa.

Akhir kata, saya berharap penerbitan buku ini dapat menjadi sumber rujukan yang bermanfaat kepada warga MBSA, pemegang taruh dan masyarakat umum dalam memahami hala tuju strategik pembangunan bandar raya Shah Alam. Marilah kita bersama-sama berganding bahu, menyatukan tekad dan usaha demi merealisasikan aspirasi menjadikan Shah Alam sebuah bandar raya yang membanggakan, sejahtera dan lestari. Sekian, terima kasih.

**DATO' HAJI MOHD FAUZI BIN HAJI MOHD YATIM**  
**DATUK BANDAR SHAH ALAM**


# DEMOGRAFI



\* Sumber: Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Shah Alam 2035 (Penggantian)



# STATISTIK PENDUDUK DI SELANGOR TAHUN 2024



Tiga negeri dengan peratusan penduduk tertinggi pada tahun 2024 adalah Selangor (21.6%), diikuti oleh Johor (12.3%) dan Sabah (11.0%).

\*Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Selangor



# KELUASAN SHAH ALAM

Keluasan Shah Alam meningkat secara berperingkat-peringkat sejak tahun 1963 sehingga sekarang. Saiz sebenar keluasan Shah Alam berdasarkan Pelan Warta 1190 yang digazetkan pada 1 Januari 1997 adalah seluas 290.3 km persegi.

## 1960

- ▶ Pelan Pembangunan Shah Alam
- ▶ Seksyen 1-16

 **19.68 km<sup>2</sup>**

## 1979

- ▶ Pelan Struktur 1979
- ▶ Seksyen 1-24

 **41.69 km<sup>2</sup>**

## 1984

- ▶ Pelan Perluasan Shah Alam
- ▶ Seksyen 1-28

 **53.30 km<sup>2</sup>**

## 1994

- ▶ Pelan Warta 968 (District Planning)
- ▶ Seksyen 1-39

 **261.70 km<sup>2</sup>**

## 1997

- ▶ Pelan Warta 1190 (District Planning & Administration)
- ▶ Seksyen U1-U14, Seksyen U1-U20 (Utara) Seksyen 1-24 (Tengah), Seksyen 25-36 (Selatan)

 **290.30 km<sup>2</sup>**

# GUNA TANAH

## ZON GUNA TANAH



Perumahan  
**26.92%**



Pengangkutan  
**22.40%**



Industri  
**10.13%**



Institusi dan Kemudahan Masyarakat  
**8.63%**



Pembangunan Bercampur  
**7.90%**



Tanah Lapang dan Rekreasi  
**6.78%**



Hutan  
**6.80%**



Infrastruktur dan Utiliti  
**5.14%**



Komersial  
**2.67%**



Badan Air  
**2.50%**



Pertanian  
**0.13%**

# ASET MAJLIS




Dewan Besar

**54**  
unit



Dewan Kecil

**19**  
unit



Taman Awam

**4**



Pondok Rukun Tetangga

**5**  
unit




Taman Permainan

**1,088**




Gerai Majlis

**63**  
lokasi



Padang Bola

**9**



# LESEN PERNIAGAAN



Perniagaan  
22,220



Perindustrian  
10,396



Penyeliaan Tempat Makanan  
4,144



Tadika/Taska/Taski  
471



Pembuangan Sampah  
74



Menyimpan Bahan Bahaya  
1,062



Anjing  
1,062



Hiburan  
71

Data daripada SAIS

# PENIAGA KECIL



Jumlah penyewa gerai/pasar/kiosk/  
medan selera

**1,928**  
Peniaga



Penjaja  
Pasar Malam

**3,542**  
Peniaga



Pasar Pagi  
(termasuk Bazarena)

**1,570**  
Peniaga



Penjaja  
Sementara

**1,495**  
Peniaga



# PEMBANGUNAN



1

Membangun sebagai sebuah bandar yang berdikari



2

Menjadi pusat pentadbiran dan ibu negeri Selangor yang unggul



3

Menyediakan peluang yang mencukupi bagi pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baruan Dasar Pembangunan Negara, Wawasan Selangor Maju 2005 dan Wawasan 2020



4

Mempunyai keadaan persekitaran yang bermutu tinggi



5

Mewujudkan pembangunan yang bersistematik dan mengoptimalkan penggunaan tanah dan lain-lain sumber

# MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN

Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs), yang diperkenalkan pada tahun 2015 oleh United Nations General Assembly, merupakan komitmen global ke arah masa depan yang lebih mampan. Ini adalah rangka tindakan menuju ke arah pembangunan mampan, berdaya tahan dan inklusif, yang menggariskan 17 matlamat dan 169 sasaran yang merangkumi lima bidang tumpuan; kemajuan masyarakat, penjagaan bumi, kemakmuran, keamanan dan kerjasama.



**1 NO POVERTY**  
Icon: Family of four

**2 ZERO HUNGER**  
Icon: Bowl of food

**3 GOOD HEALTH AND WELL-BEING**  
Icon: Heart and pulse line

**4 QUALITY EDUCATION**  
Icon: Open book and pencil

**5 GENDER EQUALITY**  
Icon: Gender symbols with equals sign

**6 CLEAN WATER AND SANITATION**  
Icon: Water tap with drop

**7 AFFORDABLE AND CLEAN ENERGY**  
Icon: Sun with power button

**8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH**  
Icon: Bar chart with upward arrow

**9 INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE**  
Icon: Three interlocking cubes

**10 REDUCED INEQUALITIES**  
Icon: Scales of justice

**11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES**  
Icon: Buildings

**12 RESPONSIBLE CONSUMPTION AND PRODUCTION**  
Icon: Infinite loop symbol

**13 CLIMATE ACTION**  
Icon: Eye with globe

**14 LIFE BELOW WATER**  
Icon: Fish and waves

**15 LIFE ON LAND**  
Icon: Tree and birds

**16 PEACE, JUSTICE AND STRONG INSTITUTIONS**  
Icon: Dove and scales

**17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS**  
Icon: Three interlocking circles

**SHAH ALAM KOMITED KE ARAH: SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS**



# PELAN TINDAKAN BANDAR PINTAR SHAH ALAM 2023-2030

## Mengatasi Cabaran Perbandaran

Isu dan cabaran perbandaran yang memerlukan pendekatan baharu penyelesaian pintar dalam perancangan dan pengurusan bandar untuk meningkatkan kualiti hidup.

## Bandar Pintar Bertaraf Dunia

Mempersiapkan bandar-bandar di Malaysia ke arah bandar pintar melalui penarafan bandar pintar agar setanding di peringkat antarabangsa.



## Melaksanakan Agenda Global dan Negara

SDG, NUA, RMK, Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia, Dasar Ekonomi Digital, IoT Kebangsaan, 4IR bagi menjadikan bandar-bandar lebih berdaya saing.

## 'State-of-The-Art Technology'

IoT, Big data dan *Artificial Intelligence* (AI), automasi, *machine learning* dan GIS membantu membuat keputusan berdasarkan *analytic data driven decision making*.

## FOKUS PELAN TINDAKAN BANDAR PINTAR

01  
Visi dan Aspirasi bersama untuk mencapai Bandar Pintar.

02  
Roadmap untuk projek dan inisiatif Bandar Pintar secara berperingkat dan bersistematik – *Quick Win, Short Term, Medium Term dan Long Term*.

03  
Menyediakan platform kerjasama dengan pihak berkepentingan dan rakan strategik dalam pembangunan Bandar Pintar.

05  
Alat Pemantauan dan Penilaian Berterusan (*continuous monitoring*) inisiatif Bandar Pintar.

04  
Petunjuk Bandar (*urban indicators*) bagi mengukur pencapaian dan tahap prestasi bandar.

# BANDAR RAYA PINTAR, BERDAYA HUNI DAN BERDAYA TAHAN MENJELANG 2035



## PELAN STRATEGIK 2026

# VISI

Shah Alam bandar raya mampan, pintar dan bertaraf dunia

# MISI

Memacu pembangunan Shah Alam sebagai bandar raya pintar, lestari dan berdaya saing melalui penyampaian perkhidmatan yang cekap, pemerkasaan komuniti, pengurusan sumber yang mampan serta tadbir urus yang berintegriti

**T1 KECEKAPAN PERKHIDMATAN**

**T2 BANDAR LESTARI & BERDAYA TAHAN**

**T3 MEMPERKASA KOMUNITI**

**T4 TADBIR URUS YANG CEKAP**



## KECEKAPAN PERKHIDMATAN

# T1

### OBJEKTIF

Perkhidmatan perbandaran yang cekap, telus dan berintegriti berasaskan inovasi digital

### INISIATIF UTAMA

- 1 Membangunkan Platform Bandar Pintar Bersepadu
- 2 Menggabungkan Platform Bandar Pintar Bersepadu dengan AI & data analitik
- 3 Melaksanakan Bandar Pintar (*Smart City*) berasaskan Pembangunan *Shah Alam Urban Observatory* (SAUO)

# T1 KECEKAPAN PERKHIDMATAN

## OBJEKTIF

Perkhidmatan perbandaran yang cekap, telus dan berintegriti berasaskan inovasi digital.

## INISIATIF UTAMA

### 1. Membangunkan Platform Bandar Pintar Bersepadu.

#### Program/Aktiviti

- ➔ Menjalankan kajian keperluan (*feasibility study*) bagi pembangunan Platform Bandar Pintar Bersepadu MBSA (2026).
- ➔ Pembangunan sistem bersepadu untuk semua perkhidmatan perbandaran (2027-2030).
- ➔ Pelaksanaan sepenuhnya Platform Bandar Pintar Bersepadu (2030).
- ➔ Program integrasi bersama bandar pintar lain termasuk dalam aspek pengangkutan dan keselamatan (2026-2030).
- ➔ Penilaian tahunan kepuasan pelanggan dan laporan prestasi perkhidmatan perbandaran bagi Platform Bandar Pintar Bersepadu untuk tujuan penambahbaikan berterusan (2027-2030).

Cadangan Program/Aktiviti	KPI Utama	Tahun Pelaksanaan	Frekuensi Semakan KPI	Tanggungjawab
1. Menjalankan kajian keperluan ( <i>feasibility study</i> )	Laporan lengkap kajian	2026	Tahunan	Jabatan Digital dan Teknologi Maklumat
2. Pembangunan sistem bersepadu untuk semua perkhidmatan perbandaran	Pembangunan sistem bersepadu	2027-2029		Semua jabatan sebagai pelaksana
3. Pelaksanaan sistem bersepadu	Peluncuran sistem bersepadu	2030		

### 2. Menggabungkan Platform Bandar Pintar Bersepadu dengan AI & data analitik

#### Program/Aktiviti

- ➔ Kajian integrasi AI dan data analitik bagi meningkatkan kecekapan, ketelusan dan kualiti perkhidmatan selepas selesai pembangunan sistem bersepadu tunggal (2029-2030).
- ➔ Membangunkan algoritma ramalan (*predictive analytics*) bagi tindakan proaktif seperti meramal impak pembangunan baharu terhadap trafik, alam sekitar, keselamatan dan komuniti, pengesanan kawasan kerap banjir, aduan berulang atau kerosakan infrastruktur (2030).

Cadangan Program/Aktiviti	KPI Utama	Tahun Pelaksanaan	Frekuensi Semakan KPI	Tanggungjawab
1. Kajian integrasi AI dan data analitik bagi meningkatkan kecekapan, ketelusan dan kualiti perkhidmatan selepas selesai pembangunan sistem bersepadu tunggal	1. Laporan lengkap kajian 2. Pelaksanaan persepadaan sistem bersepadu dengan AI dan data analitik	2029 2030	Tahunan Setiap 6 bulan	Jabatan Digital dan Teknologi Maklumat Semua jabatan sebagai pelaksana
2. Membangunkan algoritma ramalan ( <i>predictive analytics</i> ) bagi tindakan proaktif seperti meramal impak pembangunan baharu terhadap trafik, alam sekitar, keselamatan dan komuniti, pengesanan kawasan kerap banjir, aduan berulang atau kerosakan infrastruktur.	1. Peningkatan kecekapan operasi dan pemantauan 2. Modul ramalan berfungsi dan diuji secara langsung di lapangan	2030	Tahunan	

### 3. Melaksanakan Bandar Pintar (*Smart City*) berasaskan Pembangunan Shah Alam Urban Observatory (SAUO).

#### Program/Aktiviti

- ➔ Mewujudkan satu pusat kawalan dan data analitik MBSA bagi tren pembangunan di Shah Alam serta menyelaraskan sistem sedia ada, sistem baru dan sistem bersepadu (2027-2030).

Cadangan Program/Aktiviti	KPI Utama	Tahun Pelaksanaan	Frekuensi Semakan KPI	Tanggungjawab
1. Mewujudkan satu pusat kawalan dan data analitik MBSA bagi tren pembangunan di Shah Alam serta menyelaraskan sistem sedia ada, sistem baru dan sistem bersepadu	1. Peratus pelaksanaan kriteria bandar pintar ( <i>smart city</i> ) tahap 3	2027- 2028	Tahunan	Jabatan Perancangan Semua jabatan sebagai pelaksana
	2. Peratus pelaksanaan kriteria bandar pintar ( <i>smart city</i> ) tahap 4	2029 - 2030		

## BANDAR LESTARI & BERDAYA TAHAN

# T2



### OBJEKTIF

Memacu pembangunan bandar mampan, rendah karbon dan berdaya tahan dengan penekanan kepada kecekapan sumber, inovasi hijau dan amalan ekonomi kitaran.

### INISIATIF UTAMA

- 1 Membangunkan bandar hijau yang mengurangkan pelepasan greenhouse gas (GHG) dan cekap tenaga.
- 2 Memperkasa perkhidmatan pengangkutan awam melalui pendekatan Mobiliti Lestari.
- 3 Mengurus risiko bencana akibat perubahan iklim secara proaktif.
- 4 Menerapkan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dalam dasar dan pelaksanaan.
- 5 Mengurus sisa pepejal secara mampan dan melaksanakan pengasingan sisa dari punca.
- 6 Menggalakkan ekonomi kitaran.

## T2 BANDAR LESTARI & BERDAYA TAHAN

### OBJEKTIF

Memacu pembangunan bandar mampan, rendah karbon dan berdaya tahan dengan penekanan kepada kecekapan sumber, inovasi hijau dan amalan ekonomi kitaran.

### INISIATIF UTAMA

#### 1. Membangunkan bandar hijau yang mengurangkan pelepasan greenhouse gas (GHG) dan cekap tenaga.

##### Program/Aktiviti

- ➔ Mensyaratkan *Low Carbon City Framework* (LCCF) dalam kelulusan kebenaran merancang, secara berperingkat (2026-2030).
- ➔ Mensyaratkan pemakaian Garis Panduan Pembangunan Reka Bentuk Bandar Berorientasikan Transit (TOD) dalam kelulusan kebenaran merancang (2026-2030).
- ➔ Menjalankan kempen/program galakan pelaksanaan penarafan hijau menggunakan *green rating tools* yang sesuai (2026-2030).
- ➔ Pengukuran pelaksanaan Pelan Tindakan Rendah Karbon Shah Alam 2035 (2026-2030).
- ➔ Pembinaan taman – taman rekreasi baru termasuk taman linear (*linear park*), taman terapeutik, dan taman – taman mini (*pocket parks*) serta menaik taraf taman awam dan lanskap sedia ada dengan program kerjasama komuniti (2026-2030).
- ➔ Pemasangan panel solar *photovoltaic* di semua bangunan MBSA, dewan komuniti, tandas awam dan pasar awam dengan kerjasama pihak swasta (2026-2030).
- ➔ Menggunakan sistem tenaga pintar (*smart energy IoT*) dan *building monitoring system* dalam bangunan/premis milik MBSA untuk pemantauan masa nyata dan kecekapan tenaga (2026-2030).
- ➔ Menyelaras pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam secara lebih tersusun di Kawasan Kg Lombong, Seksyen 29 dan Kg Jalan Kebun, Seksyen 30 Shah Alam (2026-2030).
- ➔ Bas bandar MBSA beralih kepada penggunaan bas elektrik secara berfasa (2026-2030).
- ➔ Penyediaan stesen pengecas EV di terminal & kawasan tumpuan dengan kerjasama swasta (2026-2030).

Cadangan Program/Aktiviti	KPI Utama	Tahun Pelaksanaan	Frekuensi Semakan KPI	Tanggungjawab
1. Mensyaratkan <i>Low Carbon City Framework</i> (LCCF) dalam kelulusan kebenaran merancang, secara berperingkat	Peratus kelulusan pembangunan baharu terancang	2026-2030	Tahunan	Jabatan Perancangan Jabatan Bangunan
2. Mensyaratkan pemakaian Garis Panduan Pembangunan Reka Bentuk Bandar Berorientasikan Transit (TOD) dalam kelulusan kebenaran merancang	Peratus pelaksanaan garis panduan TOD dalam permohonan kebenaran merancang bagi pembangunan dalam Kawasan Zon Perancangan Transit	2026-2030		Jabatan Pengangkutan Bandar Jabatan Lanskap * Semua jabatan teknikal
3. Menjalankan kempen/program galakan pelaksanaan penarafan hijau menggunakan <i>green rating tools</i> yang sesuai	1. Bilangan program galakan penarafan hijau yang diadakan 2. Peratus peningkatan pelaksanaan penarafan hijau dalam projek pembangunan	2026-2030		
4. Pengukuran pelaksanaan Pelan Tindakan Rendah Karbon Shah Alam 2035	Sasaran pengurangan karbon sebanyak 5% setahun	2026-2030		

Cadangan Program/Aktiviti	KPI Utama	Tahun Pelaksanaan	Frekuensi Semakan KPI	Tanggungjawab
5. Pembinaan taman – taman rekreasi baru termasuk taman linear (linear park), taman terapeutik, dan taman – taman mini ( <i>pocket parks</i> ) serta menaik taraf taman awam dan lanskap sedia ada dengan program kerjasama komuniti	<ol style="list-style-type: none"> <li>250 ekar ruang hijau termasuk taman bandar, hutan bandar, dan kebun komuniti (50 ekar setahun ruang hijau)</li> <li>Bilangan program pengindahan lanskap dan kebun komuniti bersama penduduk (6 program setahun)</li> </ol>	2026-2030	Tahunan	Jabatan Perancangan Jabatan Bangunan Jabatan Pengangkutan Bandar Jabatan Lanskap * Semua jabatan teknikal
6. Pemasangan panel solar <i>photovoltaic</i> di semua bangunan MBSA, dewan komuniti, tandas awam dan pasar awam dengan kerjasama pihak swasta	30% janaan tenaga solar dalam tempoh 5 tahun	2026-2030		Jabatan Kejuruteraan Jabatan Penilaian dan Pengurusan harta Unit Pengurusan Bangunan
7. Menggunakan sistem tenaga pintar ( <i>smart energy IoT</i> ) dan <i>building monitoring system</i> dalam bangunan/ premis milik MBSA untuk pemantauan masa nyata dan kecekapan tenaga	<ol style="list-style-type: none"> <li>Kajian ketersediaan lokasi projek</li> <li>Lima bangunan/ premis milik MBSA menggunakan sistem tenaga pintar dan <i>building monitoring system</i> menjelang 2030</li> </ol>	2026 2027-2030	Tahunan Tahunan	Jabatan Kejuruteraan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Unit Pengurusan Bangunan Jabatan Bangunan
8. Menyelaras pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam secara lebih tersusun di Kawasan Kg Lombong, Seksyen 29 dan Kg Jalan Kebun, Seksyen 30 Shah Alam	<ol style="list-style-type: none"> <li>Pelan Induk Pembangunan Kawasan Kg Lombong, Seksyen 29 dan Kg Jalan Kebun, Seksyen 30 Shah Alam yang lengkap dan praktikal siap dibangunkan</li> <li>Peratus pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam berdasarkan pelan induk</li> </ol>	2026-2027 2027-2030	Tahunan	Jabatan Perancangan
9. Bas bandar MBSA beralih kepada penggunaan bas elektrik secara berfasa	Bilangan bas elektrik MBSA ditambah setiap tahun secara berperingkat	2026-2030	Tahunan	Jabatan Pengangkutan Bandar
10. Penyediaan stesen pengecas EV di terminal & kawasan tumpuan dengan kerjasama swasta	Peratus peningkatan bilangan stesen pengecas EV yang mendapat kelulusan MBSA	2026-2030	Tahunan	Jabatan Pengangkutan Bandar

## 2. Memperkasa perkhidmatan pengangkutan awam melalui pendekatan Mobiliti Lestari.

### Program/Aktiviti

- ➔ Pembangunan Terminal Pengangkutan Bersepadu yang menghubungkan bas bandar, bas ekspres, BRT, teksi, e-hailing dan rel (2026 – 2030).
- ➔ Mewujudkan Perhentian Bas Pintar (Smart Bus Stop) melalui pembinaan hentian baru atau menaiktaraf hentian sedia ada (2026 – 2030).
- ➔ Program 1st Mile – Last Mile menyediakan bas perantara dari kawasan perumahan ke stesen LRT, Komuter atau terminal utama (2026 – 2030).
- ➔ Penyediaan lorong khas bas (dedicated bus lane) (2026 – 2030).
- ➔ Mewujudkan inisiatif mikromobiliti hijau yang selamat (2026 – 2030).
- ➔ Melibatkan pengguna pengangkutan awam dalam program promosi pendidikan dan kesedaran mobiliti lestari (2026 – 2030).

Cadangan Program/Aktiviti	KPI Utama	Tahun Pelaksanaan	Frekuensi Semakan KPI	Tanggungjawab
1. Pembangunan Terminal Pengangkutan Bersepadu yang menghubungkan bas bandar, bas ekspres, BRT, teksi, e-hailing dan rel	Satu Terminal Pengangkutan Bersepadu siap dan beroperasi menjelang 2030	2026-2030	Tahunan	Jabatan Pengangkutan Bandar
2. Mewujudkan Perhentian Bas Pintar ( <i>Smart Bus Stop</i> ) melalui pembinaan hentian baru atau menaiktaraf hentian sedia ada	Satu Perhentian Bas Pintar disediakan dan mula beroperasi setiap tahun	2026-2030	Tahunan	Jabatan Pengangkutan Bandar
3. Program 1st Mile – Last Mile menyediakan bas perantara dari kawasan perumahan ke stesen LRT, Komuter atau terminal utama	Peratus peningkatan kecekapan pengangkutan awam berdasarkan pemantauan masa perjalanan dan kekerapan perkhidmatan	2026-2030	Tahunan	Jabatan Pengangkutan Bandar
4. Penyediaan lorong khas bas ( <i>dedicated bus lane</i> )				Jabatan Kejuruteraan
5. Mewujudkan inisiatif mikromobiliti hijau yang selamat	Pembinaan taluan mikromobiliti dan pejalan kaki sepanjang 2 km setiap tahun	2026-2030	Tahunan	Jabatan Pengangkutan Bandar Jabatan Kejuruteraan
6. Melibatkan pengguna pengangkutan awam dalam program promosi pendidikan dan kesedaran mobiliti lestari	1. $\geq$ 2 program kesedaran masyarakat setahun 2. $\geq$ 5,000 pengguna/ peserta terlibat dalam program kesedaran/ pendidikan menjelang 2030	2026-2030	Tahunan	Jabatan Pengangkutan Bandar

### 3. Mengurus risiko bencana akibat perubahan iklim secara proaktif.

#### Program/Aktiviti

- ➔ Pembangunan Sistem Pemantauan dan Amaran Bencana (2027).
- ➔ Penggunaan Sistem Pemantauan dan Amaran Bencana di Kawasan pentadbiran Shah Alam (menjelang 2030)
- ➔ Memperkasa penyampaian maklumat bencana kepada orang awam melalui penggunaan AI (2026).
- ➔ Melaksanakan projek sponge city (kolam takungan, permeable pavement) (2026 – 2030).
- ➔ Mengemaskini standard operating procedure (SOP) respon bencana bagi memastikan kesiapsiagaan pasukan pengurusan bencana MBSA (2026 – 2030).
- ➔ Melaksanakan latihan simulasi kecemasan bencana secara tahunan (2026 – 2030).

Cadangan Program/Aktiviti	KPI Utama	Tahun Pelaksanaan	Frekuensi Semakan KPI	Tanggungjawab
1. Pembangunan Sistem Pemantauan dan Amaran Bencana	Sistem Pemantauan dan Amaran Bencana, yang menggabungkan sensor IoT dan data pelbagai agensi, siap dibangunkan	2027	Tahunan	Jabatan Khidmat Pengurusan Semua jabatan sebagai pelaksana
2. Penggunaan Sistem Pemantauan dan Amaran Bencana di Kawasan pentadbiran Shah Alam	Sistem Pemantauan dan Amaran Bencana digunakan sepenuhnya	Menjelang 2030		
3. Memperkasa penyampaian maklumat bencana kepada orang awam melalui penggunaan AI	Penggunaan AI untuk penyampaian maklumat bencana kepada orang awam	2026		
4. Melaksanakan projek sponge city (kolam takungan, permeable pavement)	Peratus kemajuan Projek <i>Sponge City</i>	2026-2030	Tahunan	Jabatan Perancangan Jabatan Lanskap  Jabatan Khidmat Pengurusan Semua Jabatan sebagai Pelaksana
5. Mengemaskini standard <i>operating procedure</i> (SOP) respon bencana bagi memastikan kesiapsiagaan pasukan pengurusan bencana MBSA	Peratusan kemaskini SOP pengurusan bencana MBSA	2026-2030		
6. Melaksanakan latihan simulasi kecemasan bencana secara tahunan	Satu latihan simulasi setiap tahun	2026-2030		

### 4. Menerapkan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dalam dasar dan pelaksanaan.

#### Program/Aktiviti

- ➔ Penyediaan laporan *Voluntary Local Review* (VLR) untuk pencapaian SDG (2026 – 2030).
- ➔ Memantau dan melaporkan prestasi bandar melalui sistem penanda aras indikator MURNInet (2026 – 2030).

Cadangan Program/Aktiviti	KPI Utama	Tahun Pelaksanaan	Frekuensi Semakan KPI	Tanggungjawab
1. Penyediaan laporan <i>Voluntary Local Review</i> (VLR) untuk pencapaian SDG	Bilangan laporan VLR yang diterbitkan dan dikongsi secara awam (satu laporan setahun)	2026-2030	Tahunan	Jabatan Perancangan
2. Memantau dan melaporkan prestasi bandar melalui sistem penanda aras indikator MURNInet	Peratus peningkatan skor keseluruhan MURNInets MBSA			

## 5. Mengurus sisa pepejal secara mampan dan melaksanakan pengasingan sisa dari punca.

### Program/Aktiviti

- ➔ Pemerksaan kitar semula dengan elemen pintar (2026 -2030).
- ➔ Mewajibkan penyediaan tong basah/kering mengikut piawaian MBSA di semua premis dan pengasingan di punca di semua premis makanan (2026 -2030).
- ➔ Pemerksaan tindakan penguatkuasaan (2026 -2030).
- ➔ Menyediakan pusat kompos kawasan komuniti (2026 -2030).

Cadangan Program/Aktiviti	KPI Utama	Tahun Pelaksanaan	Frekuensi Semakan KPI	Tanggungjawab
1. Pemerksaan kitar semula dengan elemen pintar	3 % peningkatan kadar kitar semula setiap tahun	2026-2030	Tahunan	Jabatan Kebersihan Awam dan Kelestarian Sisa
2. Mewajibkan penyediaan tong basah/kering mengikut piawaian MBSA di semua premis dan pengasingan di punca di semua premis makanan	100% pemuatan menjelang 2030			
3. Pemerksaan tindakan penguatkuasaan	Bilangan premis yang berdaftar dan diperiksa oleh penguatkuasa			
4. Menyediakan pusat kompos kawasan komuniti	Satu pusat kompos siap dibina dan beroperasi menjelang 2030			

## 6. Menggalakkan ekonomi kitaran.

### Program/Aktiviti

- ➔ Membangunkan Kemudahan Pemulihan Bahan (MRF) secara kolaboratif bagi melaksanakan Tanggungjawab Pengeluar (EPR).
- ➔ Menjana tenaga dan mengurangkan karbon melalui pemulihan sisa organik (2028 – 2030).
- ➔ Membangunkan waste eco-park untuk menyokong ekonomi kitaran (2026 - 2030).

Cadangan Program/Aktiviti	KPI Utama	Tahun Pelaksanaan	Frekuensi Semakan KPI	Tanggungjawab
1. Membangunkan Kemudahan Pemulihan Bahan (MRF) secara kolaboratif bagi melaksanakan Tanggungjawab Pengeluar (EPR)	Peratus peningkatan kadar kitar semula	2028-2030	Tahunan	Jabatan Kebersihan Awam dan Kelestarian Sisa  Jabatan Perancangan
2. Menjana tenaga dan mengurangkan karbon melalui pemulihan sisa organik	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Satu pusat/premis yang menempatkan anaerobic digester siap dibangunkan dan beroperasi menjelang tahun 2030</li> <li>2. Peratus peningkatan sisa organik yang diproses bagi penjaanaan tenaga</li> </ol>			
3. Membangunkan waste <i>eco-park</i> untuk menyokong ekonomi kitaran	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pelan induk pembangunan waste <i>eco-park</i> yang lengkap dan praktikal siap dibangunkan</li> <li>2. Peratus pembangunan waste <i>eco-park</i> berdasarkan pelan induk</li> </ol>	2026-2027  2028-2030		

## 7. Pemeraksanaan program-program kearah “Sifar Penggunaan Plastik Sekali Guna”.

### Program/Aktiviti

- ➔ Melaksanakan larangan penggunaan plastik sekali guna secara berfasa menjelang tahun 2030.
- ➔ Memperluas penggunaan beg mesra alam menjelang tahun 2030.

Cadangan Program/Aktiviti	KPI Utama	Tahun Pelaksanaan	Frekuensi Semakan KPI	Tanggungjawab
1. Larangan penggunaan plastik sekali guna akan dilaksanakan secara berfasa menjelang tahun 2030	Peningkatan bilangan lokasi yang melaksanakan larangan plastik sekali guna	2026 - 2030	Tahunan	Jabatan Kebersihan Awam dan Kelestarian Sisa
2. Memperluas penggunaan beg mesra alam menjelang tahun 2030				Jabatan Pelesenan Jabatan Korporat Jabatan Penilaian



## MEMPERKASA KOMUNITI

# T3

### OBJEKTIF

Memperkukuh kesejahteraan komuniti dengan penglibatan inklusif dan penambahbaikan kualiti hidup

### INISIATIF UTAMA

- 1 Membangunkan reka bentuk fizikal yang selamat dan inklusif.
- 2 Menggalakkan penglibatan komuniti dalam aspek keselamatan dan kebolehcapaian.
- 3 Mewujudkan bandar mesra mobiliti untuk semua lapisan masyarakat.
- 4 Memperkasa komuniti dalam pembangunan sosial, ekonomi dan alam sekitar.
- 5 Melaksanakan program komuniti berasaskan ICT.
- 6 Menjalankan pemprofilan komuniti secara sistematik bagi menyokong intervensi dan perancangan program yang lebih tersasar dan berkesan.
- 7 Membangunkan sektor pelancongan bandar dengan memastikan pelaksanaan Pelan Tindakan Pelancongan Shah Alam 2026-2030.
- 8 Memacu kesihatan komuniti dengan mengurangkan kes kacauganggu dan melaksanakan program kesihatan awam yang berkesan.

## T3 MEMPERKASA KOMUNITI

### OBJEKTIF

Memperkukuh kesejahteraan komuniti dengan penglibatan inklusif dan penambahbaikan kualiti hidup.

### INISIATIF UTAMA

#### 1. Membangunkan reka bentuk fizikal yang selamat dan inklusif.

##### Program/Aktiviti

- ➔ Menaik taraf infrastruktur dan reka bentuk fizikal berasaskan prinsip CPTED serta menyelenggara kemudahan awam yang selamat dan boleh diakses oleh semua golongan, termasuk OKU dan warga emas (2026 – 2030).
- ➔ Kajian inventori keberkesanan projek naik taraf reka bentuk fizikal yang selamat dan bebas halangan (2026 – 2030).
- ➔ Menambah lokasi pemantauan Bandar Selampemasangan Smart CCTV bercirikan AI, sensor dan bigdata analytic, khusus di hotspot jenayah (termasuk taman awam, laluan pejalan kaki, dan bangunan-bangunan baharu dibinaat dan bebas halangan melalui) (2026 – 2030).
- ➔ Pemasangan lampu jalan pintar dengan ciri-ciri keselamatan seperti sensor atau butang kecemasan, di kawasan yang berisiko (2026 – 2030).

Cadangan Program/Aktiviti	KPI Utama	Tahun Pelaksanaan	Frekuensi Semakan KPI	Tanggungjawab
1. Menaik taraf infrastruktur dan reka bentuk fizikal dengan menerapkan elemen CPTED serta menyelenggara kemudahan awam seperti taman, dewan komuniti, pasar moden, tandas awam dan laluan pejalan kaki agar selamat dan boleh diakses oleh semua, termasuk OKU dan warga emas 2. Kajian inventori keberkesanan projek naik taraf reka bentuk fizikal yang selamat dan bebas halangan	1. Kajian untuk mengenalpasti lokasi kemudahan awam yang sesuai untuk dinaik taraf selesai dijalankan 2. Bilangan projek naik taraf, sasaran 5 lokasi setahun 3. Skor audit keselamatan dan aksesibiliti fizikal	2026 - 2030	Tahunan	Jabatan Perancangan Jabatan Pengangkutan Bandar Semua jabatan teknikal sebagai pelaksana
3. Menambah lokasi pemantauan Bandar Selamat dan bebas halangan melalui pemasangan <i>Smart CCTV</i> bercirikan AI, sensor dan bigdata <i>analytic</i> , khusus di hotspot jenayah (termasuk taman awam, laluan pejalan kaki, dan bangunan-bangunan baharu dibina)	1. Kajian keperluan dan lawatan penanda aras sebelum pemasangan Smart CCTV AI 2. Penentuan bilangan lokasi pemasangan Smart CCTV AI 3. Bilangan Smart CCTV yang telah dipasang	2026 - 2030	Tahunan	Jabatan Perancangan
4. Pemasangan lampu jalan pintar dengan ciri-ciri keselamatan seperti sensor atau butang kecemasan, di kawasan yang berisiko	1. Kajian keperluan dan lawatan penanda aras sebelum pemasangan lampu jalan pintar 2. Penentuan bilangan lokasi pemasangan lampu jalan pintar. 3. Bilangan pemasangan lampu jalan pintar	2026 - 2030	Tahunan	Jabatan Perancangan

## 2. Mengalakkan penglibatan komuniti dalam aspek keselamatan dan kebolehcapaian.

### Program/Aktiviti

- ➔ Mewujudkan Program Keselamatan Komuniti (2026 – 2030).
- ➔ Melibatkan masyarakat dalam usaha kawalan keselamatan (2026 – 2030).

Cadangan Program/Aktiviti	KPI Utama	Tahun Pelaksanaan	Frekuensi Semakan KPI	Tanggungjawab
1. Mewujudkan Program Keselamatan Komuniti	Bilangan Program Keselamatan Komuniti yang dilaksanakan di 24 zon MPP, dengan sasaran 24 program setahun.	2026 - 2030	Tahunan	Jabatan Pembangunan Komuniti  *Dibantu oleh jabatan-jabatan teknikal lain
2. Melibatkan masyarakat dalam usaha kawalan keselamatan	Bilangan "Sukarelawan Keselamatan" yang berdaftar dengan MBSA			

## 3. Mewujudkan bandar mesra mobiliti untuk semua lapisan masyarakat.

### Program/Aktiviti

- ➔ Menambah bilangan kenderaan komuniti untuk kegunaan warga emas dan OKU menjelang 2030.
- ➔ Memberikan kemudahan parkir percuma kepada warga emas (2026 – 2030).
- ➔ Membangunkan rangkaian laluan pejalan kaki dan mikromobiliti (2026 – 2030).
- ➔ Menyediakan alternatif bagi pengangkutan awam untuk kawasan-kawasan di luar laluan bas dan lokasi terpencil menjelang 2030.

Cadangan Program/Aktiviti	KPI Utama	Tahun Pelaksanaan	Frekuensi Semakan KPI	Tanggungjawab
1. Menambah bilangan kenderaan komuniti untuk kegunaan warga emas dan oku menjelang 2030	Penambahan satu unit kenderaan komuniti setiap tahun	2027 - 2030	Tahunan	Jabatan Pembangunan Komuniti  Jabatan Kejuruteraan  Jabatan Kewangan  Jabatan Pengangkutan Bandar
2. Memberikan kemudahan parkir percuma kepada warga emas	Bilangan warga emas berdaftar untuk pemberian insentif parkir percuma	2026 - 2030	Tahunan	Jabatan Pembangunan Komuniti
3. Membangunkan rangkaian laluan pejalan kaki dan mikromobiliti	≥ 20km laluan pejalan kaki, mikromobiliti dan berbasikal yang mesra alam serta pengguna, lengkap dengan teduhan dan landskap siap dibina menjelang tahun 2030			Jabatan Kejuruteraan  Jabatan Kewangan  Jabatan Pengangkutan Bandar
4. Menyediakan alternatif bagi pengangkutan awam untuk kawasan-kawasan di luar laluan bas dan lokasi terpencil menjelang 2030	Menjalankan kajian kebolehlaksanaan ( <i>feasibility study</i> ) untuk mengenalpasti alternatif bagi pengangkutan awam yang sesuai  Mewujudkan alternatif bagi pengangkutan awam yang sesuai	2026  2027-2030	Tahunan	Jabatan Pembangunan Komuniti  *Dibantu oleh jabatan-jabatan teknikal lain

#### 4. Memperkasa komuniti dalam pembangunan sosial, ekonomi dan alam sekitar.

##### Program/Aktiviti

- ➔ Menjalinkan kerjasama strategik dengan syarikat korporat dan NGO bagi melaksanakan pembangunan kapasiti komuniti (2026 – 2030).
- ➔ Melaksanakan *urban farming* yang inklusif dan berpotensi ekonomi (2026 – 2030).
- ➔ Mewujudkan Pusat Kegiatan Remaja (*Youth Space*) menjelang tahun 2030.

Cadangan Program/Aktiviti	KPI Utama	Tahun Pelaksanaan	Frekuensi Semakan KPI	Tanggungjawab
1. Menjalinkan kerjasama strategik dengan syarikat korporat dan NGO bagi melaksanakan pembangunan kapasiti komuniti	Kolaborasi tahunan dengan minimum lima organisasi (korporat, NGO, stakeholders) untuk melaksanakan program-program pembangunan kapasiti komuniti	2026 - 2030	Tahunan	Jabatan Pembangunan Komuniti
2. Melaksanakan <i>urban farming</i> yang inklusif dan berpotensi ekonomi	Bilangan projek <i>urban farming</i> yang dijalankan oleh komuniti			
3. Mewujudkan Pusat Kegiatan Remaja ( <i>Youth Space</i> ) menjelang tahun 2030	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menjalankan kajian kebolehlaksanaan (<i>feasibility study</i>) untuk mengenalpasti lokasi dan aktiviti yang sesuai bagi komuniti remaja</li> <li>2. Sekurang-kurangnya satu Pusat Kegiatan Remaja (<i>Youth Space</i>) telah beroperasi secara aktif</li> </ol>			

## 5. Melaksanakan program komuniti berasaskan ICT.

### Program/Aktiviti

- ➔ Melaksanakan program latihan dan taklimat berkaitan teknologi ICT bagi meningkatkan kemahiran digital serta kefahaman peserta terhadap aplikasi teknologi semasa (2026 – 2030).

Cadangan Program/Aktiviti	KPI Utama	Tahun Pelaksanaan	Frekuensi Semakan KPI	Tanggungjawab
1. Melaksanakan program latihan dan taklimat berkaitan teknologi ICT bagi meningkatkan kemahiran digital serta kefahaman peserta terhadap aplikasi teknologi semasa	Penganjuran sekurang-kurangnya tiga program setahun	2026 - 2030	Tahunan	Jabatan Pembangunan Komuniti

## 6. Menjalankan pemprofilan komuniti secara sistematik bagi menyokong intervensi dan perancangan program yang lebih tersasar dan berkesan.

### Program/Aktiviti

- ➔ Pelaksanaan Sesi Temu Bual dan Penilaian Individu Berstruktur (2026 – 2030).

Cadangan Program/Aktiviti	KPI Utama	Tahun Pelaksanaan	Frekuensi Semakan KPI	Tanggungjawab
1. Pelaksanaan Sesi Temu Bual dan Penilaian Individu Berstruktur	Peratus pembangunan pengkalan data yang mengandungi profil lengkap ahli-ahli komuniti	2026 - 2030	Tahunan	Jabatan Pembangunan Komuniti Jabatan Penilaian Pengurusan Harta Jabatan Digital dan Teknologi Maklumat Jabatan Perancangan

## 7. Membangunkan sektor pelancongan bandar dengan memastikan pelaksanaan Pelan Tindakan Pelancongan Shah Alam 2026-2030.

### Program/Aktiviti

- ➔ Mengukur dan menilai pencapaian tahunan Pelan Tindakan Pelancongan Shah Alam 2026-2030 (2026 – 2030).

Cadangan Program/Aktiviti	KPI Utama	Tahun Pelaksanaan	Frekuensi Semakan KPI	Tanggungjawab
1. Mengukur dan menilai pencapaian tahunan Pelan Tindakan Pelancongan Shah Alam 2026-2030	Peratus pencapaian tahunan Pelan Tindakan Pelancongan Shah Alam 2026-2030	2026 - 2030	Tahunan	Jabatan Pembangunan Komuniti

## 8. Memacu kesihatan komuniti dengan mengurangkan kes kacauganggu dan melaksanakan program kesihatan awam yang berkesan.

### Program/Aktiviti

- ➔ Meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap haiwan kacauganggu melalui pelaksanaan program berdasarkan Pelan Induk Kawalan Haiwan Kacauganggu MBSA.
- ➔ Melaksanakan program kawalan penyakit.

Cadangan Program/Aktiviti	KPI Utama	Tahun Pelaksanaan	Frekuensi Semakan KPI	Tanggungjawab
1. Meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap haiwan kacauganggu melalui pelaksanaan program berdasarkan Pelan Induk Kawalan Haiwan Kacauganggu MBSA	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bilangan program kesedaran dilaksanakan berdasarkan Pelan Induk Kawalan Haiwan Kacauganggu MBSA (sasaran minimum 4 program setahun)</li> <li>2. Tahap penyertaan komuniti dalam program kesedaran (sasaran &gt; 70% daripada komuniti sasaran hadir)</li> </ol>	2026 - 2030	Tahunan	Jabatan Kesihatan Persekitaran
2. Melaksanakan program kawalan penyakit	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bilangan program kawalan penyakit dilaksanakan setiap tahun (sasaran minimum 2 program setahun)</li> <li>2. Peratus pengurangan kes penyakit berkaitan haiwan kacauganggu (sasaran pengurangan 5% setiap tahun)</li> </ol>	2026 - 2030	Tahunan	Jabatan Kesihatan Persekitaran



## TADBIR URUS YANG CEKAP

# T4

### OBJEKTIF

Mengukuh tadbir urus korporat yang cemerlang

### INISIATIF UTAMA

- 1 Melaksanakan strategi kemandirian kewangan.
- 2 Membudayakan amalan integriti dalam kalangan warga kerja MBSA.
- 3 Memperkasa Modal Insan serta Persekitaran Pekerjaan (Keselamatan dan Kesihatan).

## T4 TADBIR URUS YANG CEKAP

### OBJEKTIF

Mengukuh tadbir urus korporat yang cemerlang

### INISIATIF UTAMA

#### 1. Melaksanakan strategi kemandirian kewangan.

##### Program/Aktiviti

- ➔ Mengenalpasti sumber pendapatan baharu MBSA (2026 – 2030).
- ➔ Mewujudkan garis panduan kerjasama MBSA dengan organisasi luar (2026 – 2030).
- ➔ Memperkasakan Jawatankuasa Hasil bagi memantau aktiviti kutipan hasil (2026 – 2030).
- ➔ Mengenal pasti peluang dana dan geran yang selari dengan keperluan komuniti (2026 – 2030).
- ➔ Mewujudkan kerjasama strategik dengan organisasi-organisasi pemberi dana atau geran kerajaan (*funder*) (2026 – 2030).
- ➔ Membangunkan sistem pemantauan dan pelaporan projek yang telus dan berkesan (2026 – 2030).
- ➔ Melatih pasukan khas dalam pengurusan kewangan dan pelaksanaan projek geran (2026 – 2030).

Cadangan Program/Aktiviti	KPI Utama	Tahun Pelaksanaan	Frekuensi Semakan KPI	Tanggungjawab
1. Mengenalpasti sumber pendapatan baharu MBSA	Bilangan sumber pendapatan baharu MBSA yang dikenalpasti	2026 - 2030	Tahunan	Jabatan Kewangan
2. Mewujudkan garis panduan kerjasama MBSA dengan organisasi luar	1. Bilangan garis panduan yang dibangunkan 2. Bilangan kerjasama MBSA dan organisasi luar			*Dibantu oleh jabatan-jabatan teknikal lain
3. Memperkasakan Jawatankuasa Hasil bagi memantau aktiviti kutipan hasil	Peratus peningkatan kutipan hasil selepas penubuhan jawatankuasa			
4. Mengenal pasti peluang dana dan geran yang selari dengan keperluan komuniti	1. Bilangan peluang dana dan geran yang dikenal pasti setiap tahun 2. Peratus kejayaan permohonan dana/geran			
5. Mewujudkan kerjasama strategik dengan organisasi-organisasi pemberi dana atau geran kerajaan ( <i>funder</i> )	1. Bilangan organisasi pemberi dana/geran yang menjalinkan kerjasama rasmi 2. Jumlah dana/geran yang diperoleh hasil kerjasama strategik			

Cadangan Program/Aktiviti	KPI Utama	Tahun Pelaksanaan	Frekuensi Semakan KPI	Tanggungjawab
6. Membangunkan sistem pemantauan dan pelaporan projek yang telus dan berkesan	<ol style="list-style-type: none"> <li>Peratus laporan projek yang disediakan mengikut jadual</li> <li>Tahap kepuasan pemilik projek terhadap proses pemantauan dan pelaporan</li> </ol>	2026 - 2030	Tahunan	Jabatan Kewangan  *Dibantu oleh jabatan-jabatan teknikal lain
7. Melatih pasukan khas dalam pengurusan kewangan dan pelaksanaan projek geran	<ol style="list-style-type: none"> <li>Bilangan anggota pasukan khas yang dilatih</li> <li>Bilangan penambahbaikan proses kerja hasil latihan dan pemantauan</li> </ol>			

## 2. Membudayakan amalan integriti dalam kalangan warga kerja MBSA.

### Program/Aktiviti

- ➔ Memperkasakan Sistem Pengurusan Integriti Organisasi (2026 – 2030)
- ➔ Memperkukuhkan program kesedaran dan latihan berterusan dalam kalangan warga organisasi (2026 – 2030)

Cadangan Program/Aktiviti	KPI Utama	Tahun Pelaksanaan	Frekuensi Semakan KPI	Tanggungjawab
1. Memperkasakan Sistem Pengurusan Integriti Organisasi	<ol style="list-style-type: none"> <li>Audit integriti dalaman dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun</li> <li>Semakan berkala ABMS dan OACP dilaksanakan setiap 6 bulan</li> <li>Dashboard pemantauan integriti digital aktif dan dikemas kini sekurang-kurangnya setiap suku tahun.</li> </ol>	2026 – 2030	Tahunan	Bahagian Integriti  Semua jabatan sebagai pelaksana
2. Memperkukuhkan program kesedaran dan latihan berterusan dalam kalangan warga organisasi	Bilangan pelaksanaan program integriti yang meliputi bengkel/ seminar/kursus, modul e-Latihan Integriti MBSA, dan kempen kesedaran dalaman seperti "Bulan Integriti" (minimum 6 program setahun)			

## 3. Memperkasa Modal Insan serta persekitaran pekerjaan (Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan)

Cadangan Program/Aktiviti	KPI Utama	Tahun Pelaksanaan	Frekuensi Semakan KPI	Tanggungjawab
<ol style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan dan melaksanakan Pelan Strategik Modal Insan MBSA 2026–2030 meliputi pembangunan kompetensi, laluan kerjaya dan prestasi.</li> <li>Melaksanakan program kesedaran kesejahteraan mental, ergonomik dan keselamatan tempat kerja.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Pelan Strategik Modal Insan MBSA diluluskan &amp; dilaksanakan</li> <li>≥ 4 program kesedaran dijalankan setiap tahun</li> </ol>	2026 – 2030	Tahunan	Jabatan Khidmat Pengurusan

# PENUTUP

## PEMANTAUAN PENCAPAIAN INISIATIF UTAMA

Bagi memastikan Pelan Strategik MBSA 2026–2030 selaras dengan amalan terbaik nasional dan global, metodologi dan frekuensi pengukuran pemantauan inisiatif utama dalam Pelan Strategik MBSA 2026 – 2030 berdasarkan perspektif pemantauan Plan Malaysia (Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia (RKBPM) – PLANMalaysia) dan standard berikut:



Cadangan Kategori Indikator Fokus	Contoh Indikator (Rujukan ISO)	Frekuensi	Sumber Data
Tadbir Urus & Keterlibatan Awam	<i>Citizen engagement (ISO 37122)</i>	Setengah Tahun	Survei Komuniti / Portal Aduan
Infrastruktur & Perkhidmatan Awam	<i>Public transport coverage (ISO 37120)</i>	Suku Tahunan	Jabatan Pengangkutan MBSA
Alam Sekitar & Kelestarian	<i>Air quality, green space per capita (ISO 37120)</i>	Suku Tahunan	Jabatan Alam Sekitar / Sensor Bandar
Daya Tahan Bandar & Risiko	<i>Emergency response time (ISO 37123)</i>	Setengah Tahun	Jabatan Keselamatan / Bilik Gerakan
Ekonomi & Keusahawanan	<i>SME support, employment rate (ISO 37120)</i>	Tahunan	Jabatan Pembangunan Ekonomi / SME Corp
Pendidikan & Literasi Digital	<i>Access to digital learning (ISO 37122)</i>	Tahunan	Jabatan Pendidikan MBSA / NGO
Teknologi & Bandar Pintar	<i>Broadband coverage, smart infrastructure usage (ISO 37122)</i>	Suku Tahunan	Jabatan ICT / Penyedia Telekomunikasi
Kelestarian Komuniti	<i>SDG alignment (ISO 37101)</i>	Tahunan	Unit Perancangan MBSA / Laporan Strategik





## **MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM**

Wisma MBSA, Persiaran Perbandaran, Peti Surat 7200,  
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

☎ 03 5522 2741

📠 03 5510 0399

☎ 1800 88 4477

🌐 [www.mbsa.gov.my](http://www.mbsa.gov.my)

f [shahalamcitycouncil](https://www.facebook.com/shahalamcitycouncil)

📷 [sacitycouncil](https://www.instagram.com/sacitycouncil)

🐦 [sacitycouncil](https://twitter.com/sacitycouncil)